

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENILAIAN AKHIR
SESI II: 2022/2023**

SIJIL MULTIMEDIA KREATIF PENGIKLANAN

**SMP 20063
REKABENTUK PENGIKLANAN**

Dua (2) Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan.
2. Jawab semua soalan.

Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

AMALI

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan:

Soalan 1

Sebagai seorang pereka grafik di sebuah syarikat pengiklanan, anda dikehendaki membentangkan satu reka bentuk *flyer* yang dihasilkan untuk mempromosikan produk makanan (kek dan pastri) yang baru dilancarkan bagi pembukaan sebuah Kedai Kek dan Pastri yang diberi nama **Santai Pastri** dengan tagline '*We'll make your tummy smile*'. Anda dikehendaki menghasilkan logo yang bersesuaian dan bebas menentukan penggunaan teks, imej dan maklumat bersesuaian yang akan digunakan dalam menyampaikan promosi produk tersebut.

CLO 3

Anda perlu menggunakan strategi kreatif dan teknik persembahan reka bentuk pengiklanan yang bersesuaian untuk menghasilkan media pengiklanan yang berkesan. Reka bentuk media pengiklanan yang perlu dihasilkan adalah *flyer* bersaiz A4 (orientasi portrait). *Flyer* yang dihasilkan juga mestilah mengandungi elemen tipografi, warna dan rekaletak yang menepati prinsip reka bentuk. Proses reka bentuk ini perlu berpanduan kepada kriteria-kriteria berikut:

- a) Penghasilan reka bentuk iklan secara digital
 - i. Pilih teks yang bersesuaian dengan konsep iklan.

(10 markah)

- ii. Pilih elemen warna yang bersesuaian dalam reka bentuk iklan.
(10 markah)
- iii. Pilih imej yang berkualiti dan bersesuaian dengan konsep iklan.
(10 markah)
- iv. Pilih elemen reka letak yang bersesuaian dengan reka bentuk iklan.
(10 markah)

- b) Pembentangan hasil akhir
 - i. Membentang maklumat dengan jelas dan terperinci.
(10 markah)
 - ii. Membentang hasil akhir dengan yakin dan jelas.
(10 markah)
 - iii. Menjawab soalan dengan baik.
(10 markah)

- c) Kemasan hasil akhir
 - i. Gunakan media pembentangan yang sesuai.
(10 markah)
 - ii. Hasil akhir mestilah dicetak pada kertas *glossy* bersaiz A4.
(10 markah)
 - iii. Hasil akhir reka bentuk yang kreatif dan menarik.
(10 markah)

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab